



SIARAN MEDIA

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

PIT STOP @ ANJUNG FLORIA (4 Mac 2022).

Pit Stop di Anjung Floria merupakan kawasan strategik yang telah dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai tempat persinggahan atau pit-stop kepada pengunjung. Tapak yang strategik dari segi kedudukannya yang berhubung dengan sisiran Tasik Putrajaya, laluan sikal bandar, laluan sikal dan pejalan kaki sisiran tasik serta laluan cruise membolehkan pengunjung menjalankan aktiviti riadah seperti berbasikal, berjalan kaki, berjoging, dan berkelah di sekitar Putrajaya.

Pit-Stop ini juga dilengkapi pelbagai kemudahan yang lengkap dan teratur termasuk kemudahan Tempat Letak Kereta yang luas, Kafe, Tapak Jualan, Padang Permainan, Nurseri Pokok (Garden Shop), Sewaan Basikal, Pantai Pasir (Sandy Beach), Kawasan Perkelahan, Tandas Awam, dan lain-lain.

Beberapa aktiviti baru juga telah diperkenalkan dan dibuka kepada pengunjung dan orang ramai dikawasan ini iaitu Aktiviti Berkayak, Aktiviti Memancing, Aktiviti Remote Control (RC) Boat dan berbasikal

Kawasan ini juga popular kerana ianya merupakan tapak penganjuran Festival Bunga dan Taman Putrajaya (Royal Floria Putrajaya) dan menempatkan Taman Persahabatan Malaysia China dan taman tema yang lain seperti English Garden selain berlatarbelakangkan panorama tasik Putrajaya dan beberapa binaan ikonik seperti Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Jambatan Seri Saujana.

PUTRAJAYA CYCLING ROUTE (PCR)

Putrajaya Cycling Route (PCR) merupakan salah satu inisiatif PPj di bawah Blueprint Cycling Putrajaya dalam menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Rekreasi dan pelancongan.

PCR mempunyai 10 laluan berbasikal dengan jumlah jarak keseluruhan 300 km. Pit Stop di Anjung Floria, Presint 4 akan menjadi Pit Stop utama (0.0KM) bagi permulaan dan penamat bagi setiap pilihan laluan penunggang basikal. Pelancaran Fasa 1 ini melibatkan 8 laluan terlebih dahulu dengan jarak 180 KM manakala beberapa laluan lagi sedang diperkemaskan dari aspek kesesuaian dan keselamatan pengguna dengan agensi agensi lain yang terlibat.

PCR akan membawa penunggang basikal melalui binaan bangunan dan jambatan ikonik, taman-taman awam serta juga tempat tarikan menarik di Putrajaya. Di samping itu, PPj juga turut menyediakan 6 Pit Stop di sepanjang PCR ini yang dilengkapi dengan pembaikan & pam basikal (*self repair station*), tandas awam, *water cooler*, pakir kenderaan, medan selera dan surau serta melalui 25 *check point* untuk berehat dan bergambar.

Pembangunan PCR ini juga selaras menjadikan *Putrajaya Bikeable City* iaitu inisiatif kearah Putrajaya Green City 2025. Projek ini mendapat kerjasama dari Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sebagai penyelaras projek *Green Technology Application for the Development of Low Carbon Cities (GTALCC)* dimana Putrajaya merupakan salah satu bandar yang terpilih dalam projek ini; dengan sokongan daripada agensi antarabangsa seperti United Nations Development Programme (UNDP) dan Global Environment Facility (GEF).

PPj juga turut membangunkan aplikasi MyPutrajaya Bike bagi membantu penunggang basikal boleh membuat pilihan laluan mengikut tahap kesukaran seperti *easy*, *moderate* dan *endurance*. Pengunjung perlu mengimbas pada Kod QR laluan yang dipilih dan mendapat maklumat berkaitan laluan tersebut meliputi jarak laluan, tempoh masa, jenis basikal yang sesuai digunakan, senarai pit stop dan *check point*. Selain itu, para penunggang basikal dapat memperolehi *badges* bagi penunggang yang berjaya menamatkan kayuhan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346